

SISTEM PENCARIAN HADITH MENGGUNAKAN CIRI ASAS KATA KUNCI DAN KATEGORI

SITI ZULAIKHA BINTI AB AZIZ
MOHD RIDZWAN BIN YAAKUB

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Hadis merupakan sumber hukum kedua syariat Islam selepas al-Quran kepada semua umat Islam di dunia. Hadis adalah berasal dari perkataan al-Hadith bermaksud ‘baru’ atau ‘kata-kata’. Dari segi istilah pula, hadith merupakan sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada berbentuk perkataan, perbuatan atau sifat. Kehidupan seorang muslim wajib berpandukan hadis yang sahih dan diperakui para ulama agar dapat menjalani kehidupan di jalan yang benar dan boleh memantapkan pegangan aqidah dalam diri. Justeru itu, sistem pencarian hadith menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori dibangunkan berasaskan web yang berupaya memudahkan carian seseorang untuk mendapatkan hadith dengan menggunakan kata kunci atau berdasarkan pilihan kategori. Perisian berasaskan editor tag HTML iaitu *sublime editor* digunakan bertujuan memproses kod skrip PHP. Sistem ini bersifat mesra pengguna dan mudah difahami semasa berinteraksi dengan sistem. Selain itu sistem turut mudah dicapai dengan kemudahan pengaksesan internet. Sistem ini berjaya dibangunkan dan mencapai objektif projek iaitu membangunkan satu sistem carian hadith berasaskan kata kunci dan kategori.

1 PENGENALAN

Hadith berasal daripada perkataan al-Hadis yang membawa maksud ‘baru’ atau ‘kata-kata’ yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W samada dari segi perkataan, perbuatan dan sifat. Hadith ini berfungsi sebagai sumber rujukan dan sandaran yang penting kepada semua umat Islam (Yusuf, 2015). Dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim, amalan bagi ajaran Islam hendaklah dipraktikan dengan betul dan tepat oleh itu, kehidupan berpandukan al-Sunnah atau Hadith yang sahih itu menjadi satu kewajiban keatas setiap umat Islam. Hal ini adalah bagi mengelakkan daripada penyalahgunaan nas Hadith untuk kepentingan lain selain pemahaman terhadap agama Islam. Tambahan pula, penyelewengan terhadap fahaman aqidah dan syariat terhadap seseorang boleh mengundang bahaya kerana mampu menyesatkan dan merosakkan akidah seseorang itu (Jawiah, Budah, Mazlan, & Faisal, 2009).

Kepentingan mendapatkan hadis yang sahih dan diyakini adalah bagi membentuk sebuah masyarakat Islam yang harmoni disamping memiliki aqidah yang mantap. Dalam Sahih Muslim terdapat penyusunan hadith-hadith sahih bagi keperluan dan rujukan umat

Islam bagi mempelajari dan mendalami ilmu agama. Terdapat dua buah kitab yang terkandung dalam Sahih Muslim iaitu al-Musnad al-Sahih dan al-Jami' al-Sahih. Kelebihan yang dimikili oleh Sahih Muslim ialah ia merupakan sumber rujukan kedua yang dipercayai dan diyakini selepas Sahih Bukhari (Syariah et al., 2015). Sehubungan itu, hal ini ditegaskan lagi melalui dalil Naqli iaitu ayat al-Quran dimana Allah telah berfirman yang bermaksud sekiranya datang kepadamu orang yang fasik iaitu (jahat) membawa berita maka hendaklah kamu berwaspada (berhati-hati) akan kebenaranya.

2 PENYATAAN MASALAH

Sememangnya capaian maklumat pada masa kini dipengaruhi kecanggihan teknologi yang semakin berkembang dan maju. Hal ini kerana, istilah maklumat di hujung jari yang digunakan pada abad ini menunjukkan betapa mudahnya untuk mendapatkan maklumat atau bahan ilmiah yang mampu dicapai menerusi mana-mana laman sesawang. Sehubungan itu, masalah yang dihadapi pengguna adalah untuk mendapatkan teks Hadis yang mudah difahami dan lengkap. Tambahan lagi, pengguna juga sukar untuk memperolehi maklumat berkaitan daripada hasil carian yang dilakukan (Nurazzah,2011). Hal ini kerana carian Hadis yang dilakukan di laman sesawang tidak memaparkan carian Hadis yang dikehendaki pengguna dimana, senarai panjang teks Hadis dipaparkan dan pengguna perlu membaca dan meneliti setiap teks Hadis tersebut. Hal ini menyebabkan masa yang diperlukan menjadi lama untuk memperolehi teks Hadis berkaitan tajuk yang dimasukkan dalam enjin carian.Bukan itu sahaja, bagi golongan pengguna yang tidak menguasai ilmu Hadis, mereka mengalami kesukaran untuk mencari Hadis yang diperlukan.

Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana fungsi hadith itu sangat penting untuk meningkatkan dan memantapkan aqidah seseorang yang bergelar Islam agar sentiasa berada dijalanan yang benar. Dalam pada itu, keraguan mengenai kesahihan hadis ini boleh mengundang kepada salahfaham mengenai hukum-hukum Islam dan seterusnya menjadi sesat serta terpesong dari ajaran Islam sebenar.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam pembinaan sistem ini, objektif kajian yang ingin dicapai ialah membangunkan sebuah sistem carian hadis sahih menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori berasaskan web yang dapat memudahkan proses carian hadis yang dikehendaki.

4 METODOLOGI KAJIAN

Bagi membangunkan sistem ini, model yang digunakan untuk memastikan pelaksanaan sistem berjalan dengan lancar ialah model ‘agile’ sebagaimana yang digambarkan pada Rajah 1. Model agile dipilih kerana ia boleh membenarkan pelbagai teknik seperti reka bentuk, pengekodan dan pengujian sistem dilakukan secara berulang sehingga menghasilkan produk yang menepati permintaan pengguna. Tambahan lagi, model agile ini turut membantu dari segi penambahbaikan sistem yang sedang dijalankan kerana semua idea yang dihasilkan di awal pembangunan sistem tidak kekal dan akan sentiasa berubah mengikut kepentingan semasa.

4.1 Fasa Permintaan

Dalam fasa ini, kajian terhadap sistem sedia ada berkaitan web hadis dilakukan bagi mengenalpasti masalah dan kekurangan setelah berlaku permintaan daripada pelanggan supaya dapat mereka satu system yang lebih baik.

4.2 Fasa Perancangan sistem

Fasa perancangan sistem ini adalah bagi melakukan perancangan awal untuk membangunkan sistem.

4.3 Fasa Reka Bentuk sistem


Fasa reka bentuk sistem ini bagi mengenalpasti reka bentuk seni bina sistem, reka bentuk pangkalan data untuk menyimpan hadith-hadith di pangkalan data dan reka bentuk antaramuka sistem.

4.4 Fasa Pembangunan sistem

Fasa pembangunan sistem carian hadis menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori ini dilakukan berdasarkan analisis perancangan dan keperluan serta reka bentuk sistem yang telah dilakukan pada fasa satu dan fasa dua. Rangka kerja diterjemah kepada bahasa pengaturcaraan yang sesuai seperti *PHP*.

4.5 Fasa Pengujian sistem

Dalam fasa ini, proses pengujian sistem dilakukan dengan menggunakan teknik kotak hitam dimana pengujian keatas setiap fungsi dilakukan oleh pengguna mahir untuk mengenalpasti ralat sistem bertujuan membaiki dan melakukan penambahan sekiranya perlu. Sekiranya, berlaku ralat semasa pengujian dilaksanakan, fasa perancangan reka bentuk dilakukan semula.



Rajah 1 Model Agile

5 HASIL KAJIAN

Sistem pencarian hadith menggunakan ciri asas kata kunci dibangunkan berasaskan web bagi memudahkan carian hadith. Terdapat dua fungsi utama pada sistem ini iaitu fungsi carian berdasarkan kata kunci dimana pengguna perlu memasukkan kata kunci untuk mendapatkan hadith yang diinginkan. Fungsi yang kedua pula ialah carian berpandukan pilihan kategori. Pengguna perlu memilih kategori hadith pada butang kategori sama ada syariah, ibadah, mua'malat atau akhlak.

Metodologi atau kaedah yang telah dipilih untuk membangunkan sistem ini adalah kaedah agile kerana kaedah ini memegang prinsip kepada membenarkan perubahan kepada sistem semasa fasa pembangunan sistem sekiranya terdapat perubahan permintaan.

5.1 Implementasi Sistem

Pembangunan Sistem Pencarian Hadith menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori ini memerlukan perisian pelayan web seperti *Google Chrome* atau *Mozilla Firefox* untuk operasinya.

5.1.1 Teknologi Pembangunan

Sistem Pencarian Hadith menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori ini dibangunkan berasaskan web. Oleh itu, bahasa pengaturcaraan yang digunakan ialah *HYPertext PreProcessor (PHP)* iaitu bahasa pengaturcaraan bagi pelayan web yang menggunakan pendekatan secara *Object-Oriented*. Seterusnya, kod-kod aturcara pula dijalankan di komputer pelayan untuk melihat hasil paparan dan memastikan sistem dapat berfungsi selari dengan objektif pembangunan sistem.

5.2 Pengujian Sistem

Pengujian sistem merupakan peringkat bagi menguji perisian sistem yang telah disiapkan bertujuan menilai dan memastikan sistem berfungsi bertepatan dengan permintaan daripada pengguna. Bagi melaksanakan pengujian sistem pencarian hadith menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori ini, teknik yang digunakan ialah pengujian kotak hitam.

5.2.1 Pengujian Kotak Hitam


Pengujian kotak hitam memberi fokus kepada pengujian fungsi sistem iaitu *input* dan *output* data bagi sesebuah sistem untuk menguji hasil *output*. Secara amnya, pengujian kotak hitam ini dilakukan pada antaramuka perisian sistem untuk menguji kebolehgunaan dan kebolehsediaan sistem supaya keperluan prestasi sistem dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu, terdapat pengujian unit yang dilakukan keatas sistem pencarian hadith menggunakan ciri asas kata kunci bagi menguji setiap unit fungsi bebas daripada ralat. Sekiranya terdapat ralat pada mana-mana unit yang diuji, proses *debugging* iaitu pembetulan kod dilakukan dengan segera.

5.2.1.1 Pengujian Unit fungsi carian hadith berdasarkan katakunci.

Jadual 1 mengandungi ciri-ciri yang diuji berdasarkan keperluan Perisian Spesifikasi (SRS). Disenaraikan bersama nama fungsi serta hasil yang keluar selepas proses pengujian dilakukan.

Jadual 1 Carian Hadith Berdasarkan Kata Kunci


No.	Nama Fungsi	Jangkaan Hasil	Hasil
1.	Carian Hadith menggunakan kata kunci	Memaparkan hadis berkaitan katakunci	Tercapai
2.	Tekan butang Cari	Memaparkan senarai hadith	Tercapai



Rajah 2 Antaramuka utama

Rajah 2 merujuk kepada antaramuka utama bagi sistem ini. Antaramuka yang ringkas dihasilkan bagi membolehkan semua pengguna tanpa mengira latar belakang dapat menggunakan dengan mudah.

Rajah 3 pula merupakan laman bagi kata kunci. Setiap pengguna boleh menggunakan kata kunci tertentu bagi mencari hadis yang berkaitan dengan mudah. Manakala Rajah 4 menunjukkan hasil carian hadis berdasarkan pencarian kata kunci.



Rajah 3 Antaramuka Fungsi Kata Kunci

Berikut merupakan senarai hadis untuk carian katakunci kahwin

4 senarai Hadis berkaitan kahwin dijumpai

Sahih Muslim

Dari Ibnu Umar r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda : "Apabila salah seorang daripada kamu diundang kepada jamuan perkahwinan hendaklah diperkenankannya"

Sahih Muslim

Dari Abdullah r.a. katanya : "Rasulullah s.a.w. bersabda : Tidak halal menumpahkan darah (bunuh) seorang muslim yang mengakui bawahtu tiada Tuhan selain Allah dan aku Rasulullah melainkan dengan salah satu dari yang tiga : orang berzina yang telah kahwin, hutang nyawa dibayar nyawa (jiwa) dan orang yang meninggalkan agama, memisahkan diri dari jamaah"

Sahih Muslim

Dari Abu Hurairah r.a. katanya : "Datang seorang lelaki dari kaum Muslimin kepada Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedang berada di Masjid. Lalu lelaki tadi memanggil Nabi s.a.w. berkata : "Ya Rasulullah ! Sesungguhnya saya telah berzina. Nabi memalingkan muka dari lelaki tersebut (tidak memperdulikannya) Lalu pindah ke tempat ke sebelah Nabi s.a.w. menghadapkan mukanya berkata lagi : "Ya Rasulullah ! Sesungguhnya saya telah berzina! Nabi s.a.w. memalingkan mukanya. Hal itu terjadi sampai empat kali lelaki tadi mengakui berzina. Rasulullah s.a.w. memanggilnya dan bertanya : "Apakah engkau gila?" Dia menjawab : "Tidak!" Kata beliau s.a.w. "Apakah engkau telah pemah berkahwin?" Dia menjawab : "Sudah pemah!" Rasulullah s.a.w. memerintahkan : "Bawalah orang ini dan lakukan kepadanya hukum rajam!"

Sahih Muslim

Dari Abdullah r.a. katanya : Rasulullah s.a.w. bersabda : "Tidak halal menumpahkan darah (membunuh) seorang muslim yang mengakui bawahtu tiada Tuhan selain Allah dan Aku Rasulullah melainkan dengan salah satu daripada tiga : Orang berzina yang telah kahwin, hutang jiwa dibayar jiwa, dan orang yang meninggalkan agamanya, memisahkan diri dari jamaah kaum Muslimin"


Rajah 4 Antaramuka Hasil Carian berdasarkan Kata Kunci

5.2.1.2 Pengujian Unit fungsi carian hadith berdasarkan kategori.

Jadual 2 Carian Hadith Berdasarkan Kata Kunci

No.	Nama Fungsi	Jangkaan Hasil	Hasil
1.	Tekan butang kategori.	Memaparkan senarai kategori	Tercapai
2.	Memilih kategori	Memaparkan senarai sub topik	Tercapai
3.	Tekan butang pilih.	Memaparkan hadith berdasarkan pilihan sub topik	Tercapai

Jadual 2 menunjukkan hasil carian hadith berdasarkan kata kunci telah mencapai objektifnya.




Rajah 5 Antaramuka Carian berdasarkan Kategori

Sistem yang dibangunkan ini adalah bersesuaian untuk digunakan oleh pelbagai pengguna. Bagi menyokong kepelbagaian pengguna bagi sistem, pencarian hadith dipelbagaikan seperti pencarian berdasarkan kategori seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5 dan pencarian hadith berdasarkan sub topik seperti yang dapat dilihat pada Rajah 6. Manakala hasil carian berdasarkan sub topik boleh dilihat pada Rajah 7.

No	NAMA	KATEGORI	TAJUK	HADIS
1	Sahih Muslim	Syariah	Ganjaran mengurus jenazah	Dari Abu Hurairah r.a. katanya ... menghantarnya diganjarkan dan Rasulullah ditanya tentang kadar
2	Sahih Bukhari	Syariah	Menghantar jenazah	Dari Abu Hurairah r.a. bahawasnya Rasulullah s.a.w. bersabda: 'barang siapa yang ikut menghantar jenazahnya seorang muslim kerana digrong nya adanya rasa kelamanan dan mengharap keriduan Tuhan dan ia terus bersama jenazah itu. sehingga ia juga ikut sembahyang atasnya dan sampai dislesaikan pemakamannya, maka sesungguhnya orang yang menggelakkan semua itu pasti kembali ke rumahnya dengan membawa pahala dua qirath, setiap qirath adalah sama besarnya dengan gunung Uhud. Adapun yang ikut sembahyang atasnya lalu pulang kerumahnya dan tidak ikut ke Kubur sebelum jenazah dimakam, maka orang itu kembali dengan hantaran yang dia bawa'

Rajah 6 Antaramuka Carian berdasarkan Sub Topik




SYARIAH ▾ Pilih

No	NAMA	KATEGORI	TAJUK	HADIS
1	Sahih Muslim	Syariah	Ganjaran mengurus jenazah	Dari Abu Hurairah r.a. katanya : "Bersabda Rasulullah s.a.w. : "Barang siapa yang menyembahyangkan jenazah, tetapi tidak menghantarnya diganjaran dengan sebahagian pahala sahaja, jika ia turut menghantarkannya maka akan mendapat dua pahala" Rasulullah ditanya tentang kadar dua bahagian pahala itu jawab beliau : "Yang terkecil dari dua bahagian itu sebesar gunung Uhud."
2	Sahih Bukhari	Syariah	Menghantar jenazah	Dari Abu Hurairah r.a. bahawasnya Rasulullah s.a.w. bersabda : "barang siapa yang ikut menghantarkan jenazahnya seorang muslim kerana digorong nya adanya rasa keimanan dan mengharap keriduan Tuhan dan ia terus bersama jenaza itu, sehingga ia juga ikut sembahyang atasnya dan sampai diselisihkan pemakamannya, maka sesungguhnya orang yang menjerjakan semua itu pasti kembali ke rumahnya dengan membawa pahala dua qirath, setiap qirath adalah sama besarnya dengan gunung Uhud. Adapun yang ikut sembahyang atasnya lalu pulang kerumahnya dan tidak ikut ke Kubur sebelum jenazah dimakam, maka orang itu kembali dengan hanya mendapat pahala sebesar satu qirath sahaja".
3	Sahih Muslim	Syariah	Larangan meratapi jenazah	Dari 'Abi 'Ubad bin 'Umair r.a. katanya : "Ummu Salamah berkata ketika Abu Salamah meninggal dunia, saya mengucapkan : 'perantau dan (meninggal) dipertaruan I Tentu saya akan meningis sepuas-puasnya, sehingga menjadi buah mulut orang'. Lalu saya bersiap untuk menangisnya, ketebulan datang seorang wanita dari dusun ingin membantu saya menangis. Lalu Rasulullah s.a.w. menerui Ummu Salamah dan mengatakan : "Mengapakah engkau hendak memasukkan syaitan ke dalam rumah yang Allah telah mengusimnya keluar?" (Nabi mengucapkan itu) dan kall. Kerana itu saya menahan diri menangis dan tidak jadi menangis."
4	Sahih Muslim	Syariah	Membuat Lubang Lahat	Dari 'Amir bin Sa'id bin Abi Waqas r.a. (merentangkan) katanya : "Bawaha Sa'ad bin Abi Waqas mengangkat di waktu sakit yang dia meninggal dunia dalam sakit itu, katanya : "Buatlah lubang untuk saya lubang tahan dan tegalkan di atas Kubur saya batu batu, sebagaimana diperbuat dengan (kubur) Rasulullah s.a.w."
5	Sahih Muslim	Syariah	Larangan Di Tanah Perkuburan	Dari Jabir r.a. katanya : Rasulullah s.a.w. melarang mengapur kubur, duduk di atasnya dan membuat bangunan di atasnya"

Rajah 7 Antaramuka Hasil Carian berdasarkan Sub Topik

5.3 Laporan Analisis Kegunaan Data Hadith.

Laporan bagi analisis data untuk keseluruhan set data hadith yang digunakan bagi sistem ini dapat dihasilkan dengan menggunakan perisian (*Power of BI desktop*) yang dipaparkan pada antaramuka utama sistem ini dan boleh dilihat oleh semua pengguna. Laporan analisis ini bertujuan memberi gambaran keseluruhan dan maklumat tambahan kepada pengguna mengenai perbandingan penggunaan sahih Bukhari dan sahih Muslim dengan setiap kategorinya iaitu syariah, ibadah, mua'malat dan akhlak. Seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8, dapat dilihat bahawa penggunaan hadith sahih Muslim lebih tinggi berbanding hadith sahih Bukhari bagi kategori Ibadah. Hal ini memberi kesimpulan bahawa pengguna banyak melakukan carian terhadap set data tersebut.



Rajah 8 Paparan Laporan Analisis Data Hadith

6 KESIMPULAN

Fasa implementasi dan pengujian sistem dilakukan bagi memastikan keberkesanan dan keboleh operasian sistem yang dibina tercapai. Selain itu, menerusi pengujian yang dilaksanakan terhadap setiap unit pengujian bagi fungsi sistem, ia dapat mengenalpasti setiap ralat yang berlaku pada sistem dengan awal dan pihak pemaju dapat memperbaiki dan menambahbaikan sistem dengan awal sebelum sistem dikeluarkan kepada orang ramai. Justeru itu, fasa implementasi dan pengujian sistem ini penting bagi memastikan sistem pencarian hadith menggunakan ciri asas kata kunci dan kategori dapat berfungsi bertepatan dengan permintaan pelanggan.

7 RUJUKAN

- Islam, J., & Bil, M. K. (2015). Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri Bil. 9 Januari 2015, 12–23.
- Jawiah, D., Budah, M., Mazlan, I., & Faisal, A. S. (2009). Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu:Takhrij dan Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 119–146.
- Kragan, N., & Pelajaran, R. T. (2010). Diajukan Untuk Memenuhi Tugas dan Melengkapi Madya, P., & Muhammad, S. (2009). Dakwah Dalam Era Globalisasi Seminar Kebangsaan
- Dakwah Islamiah Di Ipt Dan Komuniti Dewan Tunku Ibrahim Ismail.
- Najihuddin, S., Hassan, S., Zakaria, N., Raus, N. M., Hakim, L., & Hanafi, H. (n.d.). Aplikasi teknologi moden dalam memantapkan pendidikan sunnah di era globalisasi, 1–12.
- Najihuddin, S., Hassan, S., Zohdi, M., Amin, M., Najmuddin, S., & Hassan, S. (2014). Berbantuan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah, 7(1).
- Perisian, P., Hadis, D., Muamalat, M., Jaya, T., & Nizar, B. I. N. (2004). No Title.Syariah, P. P., Pengajian, F., Islam, K., Sultan, U., Abidin, Z., Syariah, P. P., ... Abidin, Z. (2015). Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 10, 1–18
- Syarat Guna Memperoleh Gelar Sarjana Pendidikan Islam Program Strata I (S1) Dalam Ilmu Tarbiyah
- Sejarah, V. A., & Keunikannya, K. D. a N. (2012). Sahih Al-Bukhari, (Disember), 7–40.
- Yusuf, N. (2015). Hadis Sebagai Sumber Hukum Islam (Telaah Terhadap Penetapan Kesahihan Hadis Sebagai Sumber Hukum Menurut Syafi'iy). *Potret Pemikiran*, 19(1).
- Yusuf, N. (2015). Hadis Sebagai Sumber Hukum Islam (Telaah Terhadap Penetapan Kesahihan Hadis Sebagai Sumber Hukum Menurut Syafi'iy). *Potret Pemikiran*, 19(1)